

1. Arsyad _____ orang tua yang buta itu ketika melintas jalan raya.

- ☐ A memaut
- ☐ B memeluk
- ☐ C mencapai
- ☐ D memimpin



2. Puan Rohani sedang _____ pinggan mangkuk yang telah dibilasnya tadi dengan kain lap.

- ☐ A mencuci
- ☐ B menjirus
- ☐ C menjemur
- ☐ D menggelap

3. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pak Akob dan beberapa orang penduduk kampung sedang _____ lembu.

- ☐ A melapah
- ☐ B menghiris
- ☐ C mengupas
- ☐ D memenggal

4. Borhan dan adiknya baru pulang daripada _____ wayang di pawagam yang berdekatan dengan rumah mereka.

- ☐ A meneliti
- ☐ B mengintai
- ☐ C menonton
- ☐ D mengintip

5. Kapten Azwan _____ kasut kawadnya sehingga berkilat.

- ☐ A mengesat
- ☐ B menggelap
- ☐ C menggilap
- ☐ D menggaru

6. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pak Kamal _____ jalanya ke dalam sungai itu.

- ☐ A menebarkan
- ☐ B menjatuhkan
- ☐ C membesarkan
- ☐ D membentangkan

7. Kesusahan hidup golongan miskin yang tinggal di kawasan pedalaman itu begitu _____ hati saya.

- ☐ A menyirat
- ☐ B menyakat
- ☐ C menyekat
- ☐ D menyentuh

8. Aktiviti _____ bijih timah telah dilakukan oleh para pekerja lombong sejak sektor perlombongan bijih timah terkenal di Lembah Kinta dan Kuala Lumpur pada abad ke-18.

- ☐ A menampi
- ☐ B mencedok
- ☐ C mengayak
- ☐ D mendulang

9. Burung helang itu telah _____ seekor anak ayam untuk dijadikan makanannya.

- ☐ A meragut
- ☐ B merampas
- ☐ C mengambil
- ☐ D menyambar

10. Pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan untuk _____ masyarakat tentang peri pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar.

- ☐ A menitipkan
- ☐ B menemukan
- ☐ C menerapkan
- ☐ D menyedarkan

11. Timbalan Menteri Pendidikan _____ perasaan kesalnya terhadap gejala buli dalam kalangan murid sekolah yang semakin berleluasa sekarang ini.

- ☐ A menitipkan
- ☐ B melahirkan
- ☐ C membuahkan
- ☐ D mengucapkan

12. Hamdan _____ semua harta kekayaan ayahnya kerana dia anak tunggal.

- ☐ A mewakili
- ☐ B mewarisi
- ☐ C mendiami
- ☐ D menakluki



13. Puan Zainun tidak menyedari bahawa dia telah berbelanja _____ had yang ditetapkan oleh suaminya.

- ☐ A melebihi
- ☐ B melewati
- ☐ C mengatasi
- ☐ D menandingi

14. Ai Ling dan rakan-rakannya selalu _____ perbincangan secara berkumpulan untuk mengukuhkan pemahaman mereka terhadap sesuatu subjek.

- ☐ A menemukan
- ☐ B menetapkan
- ☐ C mengadakan
- ☐ D mengemukakan

15. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Aisyah menghantar minuman kepada seorang pelanggan sambil _____ sepinggan nasi goreng.

- ☐ A menatang
- ☐ B mengelek
- ☐ C menjinjing
- ☐ D menjunjung

16. Nenek Mariam _____ perangkap untuk menangkap musang yang sering makan ayam-ayam ternakannya.

- ☐ A memasang
- ☐ B memadam
- ☐ C memagar
- ☐ D memikat

17. Para pemain pasukan bola keranjang itu telah _____ para penonton dengan permainan yang cukup bertenaga.

☐ A menarik
☐ B memikat
☐ C memukau
☐ D menambat

18. Selain bertani, Pak Nordin _____ beribu-ribu ekor ayam di ladang ternakannya.

☐ A memelihara
☐ B memulihara
☐ C memantau
☐ D mengawal

19. Sekumpulan pemuda di kampung itu akan _____ persatuan belia tidak lama lagi.

☐ A mengadakan
☐ B menubuhkan
☐ C menimbulkan
☐ D mempamerkan

20. Kerja-kerja _____ songket ini agak sukar dan memerlukan kesabaran yang tinggi.

☐ A mengait
☐ B melakar
☐ C menenun
☐ D menganyam